

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

13 JANUARI 2021
RABU



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

KOSMO

KELENGKAPAN PELAJAR SPM MUSNAH DALAM BANJIR

2



Kelengkapan pelajar SPM musnah dalam banjir



KEADAAN banjir di Kampung Sentosa Barat, Masai di Johor Bahru akibat limpahan Sungai Serai sehingga merosakkan kelengkapan sekolah dan buku Titi Nadiah.

JOHOR BAHRU — Pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Scientex, Pasir Gudang di sini yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sedih apabila hampir semua buku teks dan rujukannya rosak akibat bencana banjir.

Titi Nadiah Ab. Gafar, 17, berkata, buku berkenaan penting buatnya untuk mengulang kaji pelajaran sebagai persediaan menduduki SPM yang dijadual berlangsung pada awal tahun ini.

Menurutnya, dia gagal menyelamatkan barang peribadi akibat air naik dengan mendadak.

"Hampir semua buku teks dan rujukan yang disimpan dalam al-

mari sudah rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

"Air naik dengan ketinggian hampir satu meter dengan cepat. Apa yang saya ingat semasa banjir saya hanya sempat membantu nenek dan adik-adik berkemas untuk berpindah," katanya yang menetap bersama nenek dan tiga adiknya di Kampung Sentosa Damai, di sini.

Anak kedua daripada enam beradik itu berkata demikian ketika ditemui di pusat pemindahan sementara di Dewan Mufakat Kampung Cahaya Baru, Masai, di sini kelmarin.

PPS itu menempatkan seramai 258 mangsa banjir daripada 70 keluarga melibatkan pen-

duduk Kampung Sentosa Damai, Kampung Sentosa Barat dan Kampung Sentosa Persiaran.

Titi Nadiah berkata, dia kini hanya belajar secara dalam talian dalam sebuah khemah di PPS berkenaan bagi memastikannya tidak ketinggalan pelajaran namun litaran internet di kawasan itu sering terganggu.

Sementara itu, seorang lagi mangsa banjir, Najib Jamaluddin, 29, dari Kampung Sentosa Persiaran berkata, ini merupakan kali kedua rumahnya dilanda banjir.

"Kali pertama berlaku pada 1 Januari lalu yang mengakibatkan perabot dan peralatan elektrik seperti televisyen rosak serta terpaksa dibuang," katanya.

